

KESALAHAN HUDUD DALAM ISLAM :  
 SUATU PERBANDINGAN DENGAN PERUNTUKKAN YANG ADA DI DALAM  
 ENAKMEN PENTADBIRAN UGAMA ISLAM NEGERI PAHANG 1982.

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
ORDER NO: 6/177	LOCATION: N
DATE RECEIVED: 6/7/92	
ACC. NO: 128754	AHMAD RAFFLI AB. MALEK
CALL NO:	

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
 DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN  
 PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
 DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
 KULLIYYAH UNDANG-UNDANG  
 UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
 MALAYSIA



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
 INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
 بَوَيْتِ رَبِّي نَبِيٌّ إِسْلَامٌ وَأَنْبِيَاءُ رَجَسًا مَلِيئِينَ

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء  
والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد،

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan inayahnya, maka dapat penulis latihan ilmiah ini, walaupun menghadapi berbagai kesukaram.

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada mereka yang telah membantu dan memberi sumbangan dalam rangka penulis menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertamanya, ucapan ditujukan kepada Ustaz Idris Omar yang merupakan penyelia kepada penulis, yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada saudara Zainuddin bin Yahya yang telah mbanyak membantu penulis dalam penulisan latihan ilmiah ini.

Akhirnya, ucapan ditujukan buat semua pihak dan orang perseorangan yang tidak dapat penulis sebutkan namanya di sini yang telah memberikan sumbangan dan kerja sama kepada penulis.

Kepada semua, penulis ucapkan jutaan terima kasih, semoga apa yang dikehendaki mendapat ganjaran dari Allah dengan sebaik-baik ganjaran insyallah.

Sekian, wassalam.

Yang Benar.

Ahmad Rafli Abd. Malek.

17 Mei 1992

Diploma Undang-undang dan  
Pentadbiran Kehakiman Islam  
Universiti Islam Antarabangsa,  
Petaling Jaya.  
Sessi 1991/1992.

Kampung Lanting,  
28100 Chenor,  
Pahang Darul Makmur.

### SINOPSIS

Latihan ilmiah ini penulis bahagikan kepada tiga bab. Tiap-tiap satu bab itu pula dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil untuk memudahkan memahami keseluruhan aspek yang dibicarakan.

Bab pertama, penulis membentangkan mengenai konsep hudud dan hukumannya dalam Islam, dalil-dalil pensyariatan hudud, pengertian dan hukuman. Perbezaan antara hudud, qisas dan ta'zir. Penulis juga membincangkan hikmat pensyariatan hudud dan peranan balasan dan hukuman dalam Islam.

Bab kedua pula, penulis membentangkan mengenai Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 dengan menyeluruh. Tumpuan diberikan terhadap jenis-jenis kesalahan dan hukuman serta peruntukkan mengenai hudud yang ada dalam Enakmen.

Bab ketiga yang terakhir pula, merupakan bahagian di mana penulis membuat perbandingan antara bab pertama dan bab kedua mengenai kesalahan hudud. Penulis juga membincangkan faktor penghalang ke arah pelaksanaan hudud dan kewajiban melaksanakan hukum hudud.

## KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Penghargaan.....	i
Sinopsis.....	iii
Kandungan.....	iv
<b>BAB I ; KONSEP HUDUD DAN HUKUMANNYA.....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengertian Hudud.....	1
1.2 Dalil Pensyariatan Hudud.....	7
1.3 Jenis-jenis Kesalahan Hudud, Pengertian dan Hukuman.....	14
1.4 Perbezaan Hudud, Qisas dan Ta'zir.....	71
1.5 Hikmat Pensyariatan Hudud.....	77
1.6 Peranan Hukuman dan Balasan.....	82
<b>BAB II : ENAKMEN PENTADBIRAN UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG 1982.</b>	
2.1 Sejarah dan Perkembangannya.....	87
2.3 Enakmen Secara Keseluruhannya.....	98
2.3 Jenis-jenis Kesalahan dan Hukuman.....	108
2.4 Kesalahan Hudud Di Bawah Enakmen dan Hukuman...	116

BAB III : PERBANDINGAN.....	126
3.1 Perbandingan Dari Segi Jenis Kesalahan Hudud...	126
3.1.1 Peruntukkan Mengenai Murtad di Dalam Enakmen 1982.....	127
3.2 Perbandingan Dari Segi Ta'rif Kesalahan.....	129
3.3 Perbandingan Dari Segi Kadar Hukuman.....	130
3.3.1 Perbezaan Hukuman Kesalahan Zina.....	130
3.3.2 Perbezaan Hukuman Kesalahan Meminum Arak.	132
3.4 Faktor Yang Menghalang Perlaksanaan .....	138
3.5 Hukuman Hudud Wajib dilaksanakan.....	145
 PENUTUP.....	 148
BIBLIOGRAFI.....	153

BA B 1

## BAB I


### KONSEP HUDUD DAN HUKUMANNYA

#### 1.1 Pengertian Hudud.

##### Hudud dari segi bahasa

Dari segi bahasa, perkataan hudud bermaksud, sesuatu yang memisahkan antara dua perkara supaya tidak bercampur atau supaya tidak melampau salah satu ke atas yang satu lagi.<sup>1</sup>

Menurut Fathi Bahnasi had juga bermakna pagar, larangan, sempadan atau dinding. Oleh itu penjaga pintu dinamakan "haddad" kerana ia menahan orang dari masuk ke dalam.<sup>2</sup>

Kalau ditinjau dari pandangan Al-Sayid Sabiq, hudud ialah perkataan berbilang (  ) daripada perkataan Had. Asal penggunaan perkataan Had diertikan sebagai penghalang di antara dua perkara.<sup>3</sup>

1

Ibn Manzur, Jamal al-Din bin Makram, Lisan al-Arab, Juzu' 4, cet. 1, (Mesir: al-Matba'ah al-Mmisriyyah, 1300H), hlm. 111.

2




Ahmad Fathi Bahnasi, al-Hudud Fi al-Islam, (Kahirah, Maktabah Ammar, 1969), hlm. 31.

3

al-Syed Sabiq, Fiqh al-Sunnah, jil. 2, (Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi, 1932H/1973M), hlm. 355.



Mengikuti pandangan Dr. Wahbah al-Rakhili perkataan Had dari segi bahasa diberi sebagai tegahan.<sup>1</sup> Dan hukuman-hukuman terhadap perkara ma<sup>c</sup>siat dikenali sebagai hudud kerana ia menghalang penjenayah daripada melakukan perkara-perkara kejahatan yang semestinya dikenakan hukuman.<sup>2</sup>

Menurut pandangan Imam Muhammad bin Abu Bakr al-Razi, hudud ialah perkataan banyak (  ) dari perkataan tunggal (  ) had (  ). Had maksudnya dari segi bahasa ialah sekatan atau sempadan atau tegahan.<sup>3</sup> Ini membawa erti apabila hukuman hudud itu dilaksanakan ianya akan menjadi sekatan atau tegahan kepada individu dan masyarakat daripada melakukan jenayah.

#### Hudud dari segi Istilah Syara<sup>c</sup>

Mengikuti pendapat al-Syamsu al-Din al-Sarkhasi, erti hudud dari segi istilah ialah nama kepada kesiksaan yang

1

Dr. Wahbah al-Zuhaili, al-Fiqh al-Islam wa Adalltuhu, juz. 6, (Beirut: Dar Fikri al-Arabi, t.th), hlm. 12.

2

al-Shaukani, Nail al-Autar, juz. 7, (Misr: Mustafa al-Babi al-halabi, 1380H/1961M), hlm. 92.

3

Muhammad bin Abu Bakar bin Abdul Qadir al-Razi, Mukhtarat-Sahah, (al-Qahirah: Isa al-Babi al-Halabi, t.th), hlm. 101.

ditentukan dan wajib dilaksanakan sebagai haq Allah.<sup>1</sup>

Bagi al-Bajuri, pengertian had itu sebagai siksaan yang ditentukan untuk dikuatkuasakan ke atas setiap orang yang melakukan kesalahan yang boleh disiksa. Syari<sup>C</sup>at Islam telah menentukan siksaan tersebut tidak boleh dilebih atau dikurangkan.<sup>2</sup>

Demikian juga menurut pendapat <sup>C</sup>Abdul <sup>C</sup>Aziz <sup>C</sup>Amir, hudud diertikan dengan ( عقوبة مقدره تجي حقا الله تعالى ) iaitu siksaan yang ditetapkan dan wajib dilaksanakan sebagai haq Allah.<sup>3</sup>

Samih <sup>C</sup>Atif al-Zain mengatakan bahawa hudud itu merupakan tegahan hukuman terhadap perkara ma<sup>C</sup>siat untuk mencegah daripada berlakunya ma<sup>C</sup>siat.<sup>4</sup> Dan wajib dilaksanakan sebagai haq Allah.<sup>5</sup> Dengan itu ta<sup>C</sup>zir tidak

1

Al-Syamsu al-Din al-Sarkhasi, al-Mabsut, juz. 9, (Mesir: Matba'ah al-sa'adah, 1324H), hlm. 36.

2

Al-Bajuri, Hasia al-Bajuri, juz. 2, (Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, t.th), hlm. 229.

3

Abdul Aziz Amir, al-Ta'zir fi al-Syariah al-Islamiyyah, (al-Kahirah: Maktabah Wahbah, t. th), hlm. 13.

4

Samith Atif al-Zain, al-Islam wa Saqafah al-Insan, Beirut: Dar al-Kutub al-Labnani, 1398H/1978M)cet. 5, hlm. 329.

5

Ahmad Fathi Bahnasi, op-cit, hlm. 329.

termasuk di dalam pengertian had, kerana siksaannya itu tidak ditentukan.<sup>1</sup> Begitu juga dikecualikan qisas kerana ia merupakan haq hamba.<sup>2</sup>

Dalam sebuah "Kitab Minhaj al-Salihin" <sup>C</sup>Izzu al-Din Baliq, mengatakan bahawa had merupakan bentuk siksaan yang mana ketentuannya menjadi haq Allah. Dan siksaan itu sudah ditentukan iaitu tidak boleh dikurung atau ditambah dan ianya menjadi haq Allah Ta<sup>C</sup>ala kerana hudud itu tidak boleh digugurkan biar pun dari orang perseorangan maupun dari masyarakat.<sup>3</sup>

Demikian juga dalam sebuah Kitab Al-Lubab Fi Sarh al-Kitab, penulisnya mengatakan bahawa hudud merupakan siksaan di mana kadar hukumannya itu menjadi haq Allah hinggakan hudud itu tidak boleh dinamakan sebagai qisas kerana hukum qisas itu menjadi hamba dan juga bukan dinamakan sebagai hukum ta<sup>C</sup>zir tiada ditetapkan hukumannya.<sup>4</sup>

---

1  
al-Syed Sabiq, op-cit, hlm. 355.

2  
Muhammad Abu Zahrah, al-Jarimah wa al-Uqubah Fi al-Fiqh al-Islami, hlm. 112.

3  
Izzu al-din Baliq, Minhaj al-Salihin, Min Ahadis wa sunnah Khatim al-anbiya' Wa al-Mursalin, Dar al-Fitr Littiba'ah Wa Nasr, Beirut, ctk.1, 1398/1978, hlm.571.

4  
Sheikh Abdul Ghani al-Ghanim al-Hanafi, Al-Lubab Fi Sarh, al-Kitab, J.3-4, Maktabah Almiyah, Beirut, Lubnan, 1400H/1980M, hlm 181.

Dari beberapa ta<sup>C</sup>rif yang telah diberikan di atas, dapat kita analisa bahawa hudud adalah merupakan siksaan yang sudah ditentukan oleh nas Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. Juga ia merupakan haq Allah dan disyariatkan oleh Allah dengan tujuan untuk mengelak seseorang itu melibatkan dirinya dalam perkara-perkara yang dilarang oleh agama dan mencegah daripada meninggalkan suruhan yang dituntut.

Syari<sup>C</sup>at Islam juga menentang tindak tanduk manusia yang mengikut kehendak haawa nafsu dengan melupakan balasan di akhirat. Syariat Islam juga mendorong manusia menghindarkan dirinya dari siksaan yang terdapat dalam kesalahan hudud supaya tertegah dari melakukan perkara-perkara yang haram. Dengan itu manusia akan mematuhi segala perintah Allah.<sup>1</sup>

Dengan dimasukkan perkataan ( مقدره ) ketetapan di dalam ta<sup>C</sup>rif hudud bererti ia telah mengecualikan hukuman ta<sup>C</sup>zir terserah pada satu ketetapan kadi atau pemerintah. Hukuman mengenai kesalahan ta<sup>C</sup>zir tidaklah ditentukan oleh nas syara<sup>C</sup>.

Demikian juga perkataan ( حقا لله ) haq Allah yang terdapat di dalam takrif pula mengecualikan hukuman qisas,

---

1

al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyyah, (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1386H/1966M) hlm. 221.

kerana ia adalah berhubung dengan haq hamba di mana ia harus memberi keampunan atau menuntut ganti rugi.<sup>1</sup>

Setengah Fugaha telah menyebutkan kesalahan hudud sebagai suatu kesalahan jenayah atau memasukkan kesalahan tersebut di bawah tajuk kesalahan jenayah. Oleh itu perlu dilihat kaitan antara keduanya di dalam undang-undang Islam. Perkataan jenayah dari segi syara<sup>c</sup> pernah dita<sup>c</sup>rifkan oleh setengah fugaha sebagai :-

"suatu istilah bagi perlakuan-perlakuan perbuatan yang diharamkan dari segi syara<sup>c</sup>."<sup>2</sup>

Ia merupakan perkataan yang seerti dengan perkataan "Jarimah" cuma perkataan jarimah dianggap lebih umum di mana ia telah dita<sup>c</sup>rifkan oleh al-Mawardi sebagai :-

"Larangan-larangan syara<sup>c</sup> yang telah ditegah oleh Allah dengan didatangkan hukuman had atau ta<sup>c</sup>zir".<sup>3</sup>

Ada kalangan fugaha' telah mengkhususkan jenayah bagi kesalahan hudud dan qisas sahaja iaitu bagi kesalahan yang dilakukan ke atas manusia.<sup>4</sup> Oleh itu kesalahan hudud tetap

1 Ahmad Fathi Bahnasi, op-cit, , hlm. 31.

2 Abdul Qadir Audah, Al-Tashri' al-Jinaie, al-Islami Mugarinan bi al-Qanun al-Wad'i, hlm. 345.

3 Al-Mawardi, op-cit, 219.

4 Samir al-Junzuri, Al-Usus al-Ammah bi Qanun al-Uqubah, (Kahirah: Matba'ah al-Sa'dah, 1972), hlm. 59.

merupakan kesalahan jenayah tetapi tiap-tiap kesalahan jenayah bukanlah merupakan kesalahan hudud.<sup>1</sup>

Oleh yang demikian hukum di dalam Islam adalah diasaskan kepada jenis-jenis kesalahan yang dilakukan dan seterusnya dilihat sama ada ianya merupakan pencabulan terhadap haq Allah atau haq manusia dan adakah ia dihadkan dengan nas-nas atau diserahkan urusan penetapannya kepada qadi atau pemerintah. Berdasarkan keadaan-keadaan di atas, fugaha' telah membahagikan kesalahan-kesalahan di dalam Islam kepada qisas, had dan ta<sup>c</sup>zir.<sup>2</sup>

## 1.2 Dalil-dalil Pensyariatan Hudud.

Dalam menggambarkan tentang perlunya dilaksanakan amanah Allah s.w.t, maka Allah s.w.t menerusi firmanNya di dalam al-Qur'an al-Karim dan juga melalui rasulNya Nabi Muhammad s.a.w telah menurunkan ayat-ayat yang memberi penekanan tentang betapa pentingnya melaksanakan hukum hudud.

Di antara ayat-ayat al-Qur'an yang menggambarkan perlunya hukum hudud itu ditegakkan adalah seperti :

---

1  
Samir al-Junzuri, op-cit, hlm. 59.

2  
Abdul Qadir Audah, op-cit, hlm. 346.

لا تجد قوما يؤمنون بالله واليوم الآخر

يؤادون من حاد الله ورسوله<sup>1</sup>

Maksudnya: "Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasulnya."

Dalam ayat yang lain, firman Allah s.w.t :

الم يعلموا انه من يحاد الله ورسوله

فانه له نار جهنم خالدا فيها<sup>2</sup>

Maksudnya: "Tidakkah mereka mengetahui bahawa barang siapa yang menentang (perintah) Allah dan Rasulnya, maka sesungguhnya adalah baginya neraka jahanam, kekal ia di dalamnya."

Firmannya lagi :

تلك حدود الله ومن يطع الله

ورسوله يدخله جنت<sup>3</sup>

Maksudnya: "Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (syariat) Allah dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya akan di masukkan ke dalam syurga."

<sup>1</sup> Al-Qura'an, Surah Mujadalah, 58:22.

<sup>2</sup> al-Qur'an, Surah al-Taubah, 9:63.

<sup>3</sup> al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4:13.

Seterusnya Allah s.w.t memperingatkan dalam ayat yang lain, FirmanNya:-

1 تلك حدود الله ومن يتعد حدود الله  
فقد ظلم نفسه

Maksudnya: " *Itulah aturan-aturan Allah, (maka janganlah kamu melanggarnya) dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada dirinya.*"

Dari pengertian ayat-ayat yang disebutkan, nyatalah bahawa meninggalkan pelaksanaan hukum Allah seolah-olah sengaja menjerumuskan diri kelembah kezaliman (neraka).

Di samping ayat-ayat al-Qur'an, terdapat juga hadith-hadith yang menjelaskan betapa pentingnya menjalankan hukum hudud kerana dengannya akan mendapat keberkatan Allah di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat. Sabda Rasulullah s.a.w :-

2 كُنْ إِذَا سَمِعْتَ رِوَاةَ اللَّهِ (ص) قَالَ :  
إِقَامَةُ حُدُودِ اللَّهِ خَيْرٌ مِنْ مَطَرٍ  
أَرْبَعِينَ لَيْلَةً فِي بِلَادِ اللَّهِ كَزَوْجِ

Maksudnya: "*Mendirikan hukum hudud lebih baik dari hujan 40 malam di bumi Allah.*"

---

1  
al-Qur'an, Surah al-Talaq, 65:1.

2  
Sunan Ibn Majah, Juz. 2, hlm. 848.



Dalam hadith yang lain:-

عن إبي هريرة قال : قال رسول الله (ص)  
 حد يعمل به في الارض خير لأهل الأرض<sup>1</sup>  
 من أن يعطروا أربعين صباحا .

Maksudnya: "Melaksanakan hukum hudud di bumi adalah lebih baik bagi ahli dunia daripada hujan 40 kali di waktu subuh."

Dalam sabda yang lain:-

عن عبادة بن الصامت قال : قال رسول الله (ص)  
 اغيظوا حدود الله في القريب والبعيد<sup>2</sup>  
 ولا تأخذكم في لومة لائم .

Maksudnya: "Tunaikanlah hukum hudud terhadap orang awam atau bangsawan dan jangan peduli cercaan orang terhadap kamu."

---

1

Ibid.

2

Mohd Nasaruddin al-Bani, Salasilah al-Hadis, jil. 1, al-maktasul Islami, t.th, hlm. 68.

### 1.3 Jenis-jenis Kesalahan Hudud, Pengertian Dan Hukumannya

Di dalam perundangan Islam, para Ulama fiqh ternyata memberikan pandangan yang berbeza dalam mengklasifikasikan beberapa kesalahan yang dimasukkan dalam kesalahan hudud. Imam Shafie dalam Kitab al-Umm, telah mengklasifikasikan kesalahan hudud dalam enam perkara iaitu, mencuri, merompak, zina, menuduh zina, minum arak dan murtad.<sup>1</sup> Setengah fugaha yang lain telah menambahkan kesalahan menderhaka sebagai kesalahan yang ketujuh.<sup>2</sup> Manakala Ibn Hazm telah mengeluarkan kesalahan tersebut (menderhaka) tetapi sebaliknya memasukkan kesalahan mengingkari pinjaman. (حسب العارية).<sup>3</sup>

Apa yang terdapat dalam sebuah "Kitab al-Misan al-Kubra" di mana penulisnya mengemukakan kesalahan hudud itu kepada tujuh jenis kesalahan iaitu : Murtad, al-bagh, zina, menuduh zina, mencuri, merompak dan minum arak.<sup>4</sup> Manakala penulis Izzu al-Din Baliq berpendapat, bahawa jenayah hudud yang ditentukan dan dihadkan bilangannya ialah sebanyak tujuh jenayah iaitu : zina, menuduh zina, minum

---

<sup>1</sup> Al-Shafie, al-Umm, (Kahirah: Kitab al-Sya'ab, hlm. 51

<sup>2</sup> Sayyid Sabiq, Fiqh Sunnah, jil. 2, hlm. 302.

<sup>3</sup> Ibn Hazm, al-Mahalla, Juz. 11, (Beirut: al-Maktabah al-Tijari, t.th) hlm. 151.

<sup>4</sup> As-Su'rani, al-Mizan al-Kubra, Juz. 1-2, (Dar al-Fikr, 1401H/1981M), hlm. 152.

arak, mencuri, merompak, murtad dan menderhaka.<sup>1</sup>

Begitu juga dalam sebuah kitab yang bernama "al-Fiqh al-Islam wa Adilatuhu" di mana penulisnya mengklasifikasikan kesalahan hudud kepada kesalahan-kesalahan zina, menuduh zina, mencuri, merompak dan had minum arak.<sup>2</sup> Demikian pula pandangan Imam Hanafi mengatakan jenis-jenis kesalahan hudud itu ada lima jenis iaitu had mencuri, had zina, had surb, had minum yang memabukkan dan had qazf.<sup>3</sup>

Walaupun di kalangan Fugaha berselisih pendapat pada menentukan kesalahan hudud dan jenisnya, namun didapati mereka telah sepakat di dalam enam perkara iaitu, murtad, merompak, zina, menuduh zina, minum arak memabukkan atau tidak dan kesalahan mencuri.<sup>4</sup>

Memandangkan pendapat yang dikemukakan oleh Mazhab Shafie berhubung dengan pengkelasan hukum hudud itu menepati enam kesalahan sebagaimana yang disepakati oleh

1

Izzu Din Baliq, Minhaj al-Salihin, hlm. 571.

2

Muhammad Iqbal Wahab al-Rahili, al-Fiqh al-Islam Wa adilatuhu, juz. 6, (Dar al-Fikr, t.th, hlm. 13.

3

Abu Bakar bin Mas'ud al-Kasani, al-Badai' al-Sanai', juz. 9, (Matba'ah Kahirah, t.th) hlm. 450.

4

Ibn Hajar al-Asqalani, Fath al-Bari, juz. 12, (Maktabah Salfiyah, t.th), hlm. 58.

para fuqaha', maka titik tolak perbincangan akan bermula dari kesalahan mencuri, merompak, zina, menuduh zina, minum arak dan murtad.

i. Kesalahan mencuri.

Pengertian mencuri dari segi bahasa adalah mengambil sesuatu daripada orang lain secara sembunyi.<sup>1</sup>

(أخذ الشيء من الغير خفية).

Dari segi Istitilah syara<sup>c</sup>, mencuri ialah pengambilan yang dilakukan oleh orang yang beraqal dan baligh terhadap sesuatu harta yang mempunyai nilai tertentu secara sembunyi daripada tempat simpanan yang bukan miliknya tanpa subhat.<sup>2</sup>

Menurut Imam al-Shafie, mentakrifkan pencuri sebagai pengambilan harta yang cukup nisab, dilakukan oleh orang yang beraqal dan baligh, melakukannya dengan sukarela, dengan mencuri dari tempat simpanan dan tidak terdapat sebarang kesamaran tentang milik bagi pihak yang mencuri atau kena curi.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>  
Dr. Ahmad al-Kubusi, Ahkam al-Sariqah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa al-Qanun, (Baghdad: Matbaah al-Irsyad, 1391H/1971M), hlm. 23.

<sup>2</sup>  
Al-Sabuni, Muhammad Ali, Tafsir Ayat al-Ahkam, juz. 1, (Damsyik: Maktabah al-Ghazali, hlm. 553.

<sup>3</sup>  
Al-Syirazi, al-Muhazzab, juz. 2, hlm. 277.

Menurut Imam Malik, pencuri ditakrifkan sebagai pengambilan oleh orang yang mukallaf lagi merdeka, terhadap harta bukan miliknya, cukup nisab dengan tujuan mencuri dan tidak ada kesamaran baginya pada harta tersebut.<sup>1</sup>

Menurut al-Syarbini al-Khatib mendefinisikan pencuri ialah pengambilan harta secara sembunyi dengan syarat-syarat tertentu terhadap sesuatu harta yang sampai kepada 1/4 dinar atau mempunyai nilai 1/4 dinar, dilakukan oleh orang yang mukallaf daripada tempat simpanannya.<sup>2</sup>

Pada pandangan Abu Zahrah pula mencuri ialah mengambil sesuatu dengan cara sembunyi-sembunyi.<sup>3</sup> Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa pencuri ialah seorang yang datang secara sembunyi-sembunyi untuk mengambil harta orang lain dari simpanannya.<sup>4</sup> Di samping mengambil secara sembunyi-sembunyi, Ibn Qudamah pula menambah tiga unsur lagi iaitu mencuri tanpa pengetahuan dan kerelaan tuannya serta ada niat jahat untuk memilikinya.<sup>5</sup>

---

1  
Dr. Ahmad al-Kubisi, Ahkam al-Syarifah Fi al-Islamiyyah Wa al-Qanun, hlm. 24.

2  
Al-Syarbini al-Khatib, Mughni al-Muhtaj, juz. 4, Mustafa al-Babi al-Halabi, 1377H/1958M), hlm. 158.

3  
Abu Zahrah, op-cit, hlm. 138.

4  
Sayyid Sabiq, op-cit, hlm. 412.

5  
Ibn, al-Mughni, juz. 9, (al-Qahirah: Matabaah al-fajallah, hlm. 109.

Dengan pengertian di atas dapatlah disimpulkan bahawa jenayah mencuri di dalam undang-undang jenayah Islam, terdapat empat unsur yang penting:

- (a) Mengambil secara sembunyi-sembunyi.
- (b) Perkara yang dicuri itu adalah harta.
- (c) Harta itu mestilah dimiliki oleh orang lain.
- (d) Mempunyai niat jenayah.<sup>1</sup>

Oleh itu ternyata bahawa jenayah mencuri adalah suatu kesalahan yang ada kaitannya dengan harta kepunyaan orang lain. ini membuktikan mencuri itu suatu jenayah disisi undang-undang Islam dan digolongkan sebagai kesalahan hudud yang mana hukumannya sudah ditetapkan oleh Allah.

## ii. Syarat-syarat Barang Curi

Untuk mensabitkan seseorang itu melakukan jenayah mencuri, maka syarat-syarat di atas mestilah dipenuhi supaya ia saling lengkap melengkapi dengan syarat-syarat yang mesti ada pada diri pencuri itu sendiri. Antara syarat-syarat barang curi iatu ialah:

### a. Barang curi itu mestilah harta yang berharga

Barang yang dimaksudkan berharga ialah ada mempunyai nilai, menggantikannya siapa yang merosakkannya mengikut

---

<sup>1</sup> Abdul Qadir Audah, Al-Tasyri' al-Jinaie al-Islami, juz. 2, hlm. 158.

anggaran kerosakkan. Kalau seseorang itu mencuri arak, babi, kulit bangkai, sitangan pencuri berkenaan tidak dipotong kerana tidak ada nilai bagi arak, dan babi terhadap seorang muslim. Dan tidak ada nilai harta pada kulit bangkai.<sup>1</sup>

b. Barang yang dicuri itu memenuhi Nisab

tidak dipotong tangan pencuri yang mencuri binatang yang sudah binasa. Ulama-ulama fiqh berselisih pendapat dalam menentukan 'anggaran nisab'. Hanafi berpendapat nisab barang curi itu 1 dinar atau 10 dirham atau nilai salah satu daripada keduanya.<sup>2</sup> Ini bersesuaian dengan sebuah hadith Rasulullah yang berbunyi:

3

لا تقطع فيما دون عشرة دراهم

Maksudnya: "Tidak dikenakan potong tangan terhadap barang tidak sampai sepuluh dirham."

Sabda baginda lagi:

4

لا تقطع اليد الا في دينار او في عشرة دراهم

1

Dr. Wahbah Rahili, op-cit, hlm. 102.

2

al-Sarkashi, al-Mabsut, hlm. 137.

3


al-Haitami, Majmu' al-Zawaid wa Manba al-Fawaid, juz. 6, cet.2, (Beirut, Lubnan: Dar al-kitab, 1967), hlm.273.

4

al-Zaila'i, Nasb al-Rayah Li Ahadisi al-Hidayah, juz. 3, cet. 2, 1973M/1393H, hlm. 360.


Maksudnya: "tidak dikenakan potong tangan melainkan (nisab barangan tersebut) satu dinar atau 10 dirham."

Sedangkan pendapat Jumhur dari kalangan Maliki, Shafie dan Hanbali, nisab barangan curi ialah 1/4 dinar syarie daripada emas atau 3 dirham syar<sup>c</sup> daripada perak.<sup>1</sup> Di sisi syafi<sup>c</sup>iyah pula dengan menetapkan 1/4 dinar dengan berdasarkan pegangan mereka pada hadith Raulullah yang berbunyi:

2 

Maksudnya: "Dipotong tangan seorang pencuri bila nisabnya sampai 1/4 dinar ke atas."

Dan Sabda nabi seterusnya:

3 

Maksudnya: "Dipotong tangan pada nilai (harga) perisai yang sampai 3 dirham."

Nilai 3 dirham itu ialah 1/4 dinar.<sup>4</sup>

---

1  
Dr. Wahbah al-Rakhili, op-cit, hlm. 103.

2  
Ibn al-Athir al-Jazri, Jami al-Usul Fi Ahadis al-Rasul, juz. 3, cet. 1, (Maktabah Dar al-Bayan, 1980)hlm. 55

3  
Ibid, hlm 555.

4  
Mohamad Zakaria al-Kindi Halwi, Auzaz al-Masalik Ila Muwata' Malik, juz. 13, cet. 3, (Beirut: Dar al-Fikr, 1494H/1975M, hlm. 291.